

Pentaksiran Pembelajaran Terarah Kendiri (Non face to face learning - NF2F) dalam kalangan Pelajar Sistem Empat Semester

Nik Rafidah bt Nik Abdul Rahman

Nursyamsaziela bt Morad

Siti Shafiqah Shafira bt Hashin

Asiahwati bt Awi

Unit Matematik, Kolej Matrikulasi Pulau Pinang rafidah.ar.matrik@1govuc.gov.my

ABSTRAK

Kajian yang mempunyai reka bentuk mod campuran ini bertujuan untuk mengetahui status kefahaman terhadap pentaksiran pembelajaran terarah kendiri (Non Face to Face - NF2F) dalam kalangan pelajar Sistem Empat Semester di Kolej Matrikulasi Pulau Pinang. Kajian dilaksanakan dalam dua peringkat. Peringkat pertama ialah untuk mengukur status kefahaman pelajar terhadap pentaksiran pembelajaran terarah kendiri. Pada peringkat ini satu soal selidik yang mempunyai 35 item digunakan. Ini melibatkan semua pelajar Sistem Empat Semester bagi sesi 2018/2019. Manakala peringkat kedua ialah untuk meneroka sejauhmana kefahaman dalam menaksir pembelajaran terarah kendiri dalam kalangan mereka. Pada peringkat ini temu bual berstruktur telah dilaksanakan terhadap sembilan orang responden. Analisis data yang diperolehi di peringkat pertama mengambil kira min dan peratusan. Didapati seramai 255 pelajar telah memberi respon dalam soal selidik tersebut. Hasil kajian mendapati status kefahaman pelajar terhadap pentaksiran pembelajaran terarah kendiri (Non face to face learning - NF2F) dalam pengurusan kendiri, keazaman untuk belajar dan kawalan kendiri pelajar adalah tinggi. Ini menunjukkan pelajar telah faham dan bersedia belajar secara kendiri tanpa pensyarah. Namun, hasil kajian di peringkat kedua pula menunjukkan pelajar kurang jelas tentang pembelajaran terarah kendiri. Diharapkan hasil kajian ini memberi maklumat kepada pihak berkepentingan.

Kata Kunci: *Pentaksiran, Pembelajaran Terarah Kendiri, Pengurusan kendiri, Keazaman untuk belajar, Kawalan kendiri, Kesediaan pelajar*